

Dr. M dukacita k'jaan dikecam kerana beri rakyat senang

19 MAR 1980
'Antara pengecam2 itu terdiri dari anak2 ahli UMNO yg menuntut di luar negeri'

DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad dukacita kerajaan menjadi tumpuan kecaman dan demonstrasi kerana kemewahan yang dise-diakannya kepada rakyat.

Timbalan Perdana Menteri mendedahkan "ada di antara pelajar-pelajar kita di luar negeri yang mengancam kerajaan terdiri dari anak-anak kepada ahli UMNO sendiri".

Serentak itu beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO meng-ingatkan ahli-ahli UMNO bahawa parti sekarang menghadapi lebih banyak teguran kerana "kita berjaya mengadakan berbagai kemu-dahan untuk rakyat".

Berucap dalam perjumpaan politik dengan para pemimpin UMNO dari ke semua enam bahagian Negeri Sembilan, di Dewan Bandaran, pagi ini, beliau juga-menyebut perkara-perkara ber-ikut:—

- Ahli-ahli UMNO jangan ber-puak-puak sehingga menimbul-kan perpecahan parti dalam pe-milihan pemimpin-pemimpin di semua peringkat.

PORT DICKSON 18 MAC

- Bahagian-bahagian UMNO diarah menyiapkan senarai nama ahli yang boleh mengutip sumba-ngan untuk tabung Kompleks Ibu Pejabat UMNO dengan penuh de-dikasi dari setiap ahli parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sebenarnya kemewahan membawa kepada banyak masalah dan ini merupakan satu kenyataan yang ganjil.

Menurutnya, hasil usaha kera-jaan hari ini beribu-ribu orang pe-nuntut bumiputera mendapat pe-luang melanjutkan pelajaran ting-gi di dalam dan luar negeri.

"Tetapi apa akibatnya, di seba-lik segala nikmat yang dihidang-kan dalam dulang emas ini kita menghadapi kecaman dan berba-gai tuduhan serta rasa tidak puas hati dari mereka sendiri".

Beliau lalu menyatakan ada di antara penuntut yang mengancam rancangan Dasar Ekonomi Baru kerajaan adalah terdiri dari anak-anak kepada ahli-ahli UMNO sendiri.

Begitu juga, tambahnya, de-ngan rancangan kerajaan membe-

lanjakan \$63 juta untuk memban-tu beribu-ribu petani 'tetapi yang kita dapat ialah demonstrasi bila bantuan itu diedarkan'.

Datuk Sri Dr. Mahathir mene-gaskan tentang perlunya ahli-ahli UMNO memainkan peranan memberi penerangan bahkan ke-pada anak-anak sendiri mengenai segala rancangan yang dijalankan oleh kerajaan.

Menurutnya ahli-ahli UMNO mesti memberi perhatian berat kepada haluan yang dipilih oleh anak-anak mereka kerana mere-kalah yang akan menggantikan pucuk pimpinan di masa depan.

"Kita mesti pastikan anak-anak kita mempunyai nilai-nilai dan si-kap yang sesuai dengan UMNO supaya parti akan terus kuat dan tidak menjadi usang, lumpuh dan kemudian mati", jelasnya.

Terdahulunya Datuk Sri Dr. Mahathir menerima sumbangan sebanyak \$100,000 dari Perhubu-ngan UMNO Negeri Sembilan untuk tabung Kompleks Ibu Peja-bat UMNO Malaysia. Cek sumba-ngan itu disampaikan oleh Mente-ri Besar Datuk Rais Yatim selaku Ketua UMNO Perhubungan Ne-geri.